

PEMBANGUNAN MODEL PERSONALITI UNGGUL PESALAH JUVANA (MPUPJ)

Shuhairimi Abdullah¹, Nur Suriaty Daud @ Fhiri², Tengku Kastriafuddin Shah Tengku Yaakob³, Noor Salwani Hussin⁴, Mohd Soffian Mohammad Rosbi⁵, Abdul Jalil Ramli⁶, Adi Anuar Azmin⁷, Wan Sallha Yusoff⁸, Jasin Abd Halim⁹

^{1,2,3,4,5,6,7,8} Universiti Malaysia Perlis

ABSTRAK

Kesalahan jenayah dalam kalangan kanak-kanak adalah masalah sosial yang sangat membimbangkan. Secara umumnya, masalah kanak-kanak berkonflik dengan undang-undang atau terlibat dengan kesalahan jenayah adalah isu sejagat kerana ianya berlaku di semua negara di dunia. Sehubungan dengan itu, objektif utama artikel ini adalah untuk menganalisis definisi jenayah dan jenayah juvana di Malaysia. Pada masa yang sama, artikel ini juga memfokuskan kepada jenayah juvana yang berlaku di negeri Perlis. Di samping itu, artikel ini turut mengenalpasti hukuman yang dikenakan kepada kanak-kanak yang melakukan jenayah. Artikel ini mendapati bahawa terdapat kelompongan berkenaan faktor yang mendorong pesalah untuk berubah dan boleh mengubah pesalah juvana lain menjadi lebih baik. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kuantitatif iaitu penganalisisan data. Selain itu, kertas kerja ini juga membangunkan model personaliti unggul pesalah juvana. Model ini adalah penambahbaikan penambahbaikan kepada modul program pemulihan pesalah juvana sedia ada.

Kata kunci: Kanak-kanak, jenayah juvana, hukuman, pendidikan, model personaliti unggul.

ABSTRACT


Crime among children is a highly concerning social issue. Generally, the problem of children conflicting with the law or being involved in criminal activities is a global issue as it occurs in every country around the world. In line with this, the main objective of this article is to analyze the definition of crime and juvenile delinquency in Malaysia. At the same time, the article also focuses on juvenile crimes occurring in the state of Perlis. Additionally, this article identifies the punishments imposed on children who commit crimes. The article finds that there are discrepancies regarding the factors that drive offenders to change and can transform other juvenile offenders for the better. The methodology used in this study is quantitative study which involves analyzing data. Furthermore, this paper also develops a model of the superior personality of juvenile offenders. This model is an enhancement to the existing juvenile offender rehabilitation program modules.

Keywords: Children, juvenile delinquency, punishment, education, towering personality model.

1.0 PENGENALAN

Statistik jenayah di Malaysia agak membimbangkan sejak kebelakangan ini (Bernama, 2022). Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Jenayah Indeks, Dadah, Rasuah, Alam Sekitar, Kesalahan Trafik, Jenayah Siber, Jenayah Maritim dan Pemulihan menunjukkan trend peningkatan jumlah pesalah pada tahun 2021 di Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Selain itu, di Malaysia terdapat juga tren dan statistik jenayah melibatkan kanak-kanak dan remaja yang agak membimbangkan (Hashim, 2020). Jenayah di kalangan kanak-kanak di Malaysia ini merupakan salah satu isu yang menjadi tumpuan para penggubal polisi (Nooraini, Mohammad

& Azman, 2021). Berdasarkan laporan statistik penglibatan dan tangkapan juvana dalam jenayah indeks Malaysia bagi tahun 2016 sehingga Disember 2022 rasmi oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, bilangan kes jenayah juvana menunjukkan tren yang tidak stabil dimana wujudnya perbezaan antara kategori jenayah, kesalahan, jantina, etnik dan kategori umur pesalah juvana. Rajah 1 menunjukkan tren statistik jenayah juvana tersebut.



Rajah 1: Statistik Penglibatan dan Tangkapan Juvana dalam Jenayah Indeks Malaysia bagi Tahun 2016 hingga Disember 2022

Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Berdasarkan rajah 1, tren penglibatan dan tangkapan juvana dalam jenayah indeks di Malaysia menunjukkan peningkatan dari tahun 2016 hingga tahun 2017. Namun, pada tahun 2020 statistik penglibatan dan tangkapan juvana menunjukkan penurunan. Hal ini disebabkan oleh penyakit *novel β-coronavirus* (nCOV-19) atau lebih dikenali dengan COVID-19 yang melanda seluruh dunia dan telah mengakibatkan kematian melebihi 175,694 orang (World Health Organisation, 2020). Justeru, kerajaan Malaysia pada ketika itu telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan larangan menyeluruh pergerakan sebarang jenis aktiviti. Oleh hal yang demikian, kebaikkan daripada perlaksanaan PKP tersebut telah berjaya mengurangkan kadar jenayah di Malaysia. Namun berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), jenayah di Negeri Perlis menunjukkan peningkatan 4.9% berbanding pada tahun 2019. Hal ini sangat membimbangkan kerana Negeri Perlis merupakan negeri di Malaysia yang mempunyai jumlah penduduk hanya 261,000 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Jumlah penduduk di Negeri Perlis adalah sedikit berbanding jumlah penduduk di negeri-negeri lain di Malaysia. Justeru, sekiranya kadar jenayah meningkat di Negeri Perlis, Kerajaan Malaysia wajar menangani perkara ini dengan segera. Rajah 2 menunjukkan keseluruhan data banci penduduk di Negeri Perlis bagi tahun 2020 sehingga tahun 2021.



Rajah 2: Data Banci Jumlah Penduduk Negeri Perlis Tahun 2020 hingga tahun 2021

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Terdapat pelbagai bentuk jenayah yang berlaku di Negeri Perlis antaranya jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Jenayah kekerasan merupakan jenayah pembunuhan, rogol, rompak, dan kes yang menyebabkan kecederaan. Jenayah harta benda pula adalah yang menyebabkan harta mangsa dicuri atau dimusnahkan tanpa penggunaan dan ancaman kekerasan terhadap mangsa. (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Jenayah berkaitan harta benda pernah di rekodkan di Negeri Perlis pada 2014 yang lalu, di mana lima remaja lingkungan umur 13 tahun hingga 16 tahun mengaku bersalah di Mahkamah Juvana Kangar, di bawah Seksyen 147 Kanun Keseksian di atas pertuduhan merusuhi di sebuah asrama anak yatim (Berita Harian Online, 2014). Keputusan mahkamah ke atas pertuduhan ini turut mengambil kira laporan akhlak daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sistem keadilan jenayah juvana ditambah baik menerusi perlaksanaan Akta Kanak-kanak 2001 bagi memansuhkan Akta Mahkamah Juvana 1947 dan telah diperuntukkan di dalam Bahagian III Akta Kanak-kanak 2001 dalam memberi perlindungan undang-undang di mahkamah juvana atau mahkamah bagi kanak-kanak terhadap kanak-kanak sama ada mereka sebagai pesalah atau mangsa kepada perlakuan jenayah (Wahab, Salam & Dahalan, 2021).

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Definisi Jenayah

Che Leh (2016) berpendapat bahawa jenayah merupakan apa-apa perkara yang menyusahkan dan memberi masalah kepada orang lain. Ali (2019) pula menyatakan bahawa jenayah ialah perbuatan atau perlakuan yang menyalahi undang-undang di sesuatu tempat. Menurut Kamus Dewan Keempat, jenayah merupakan perbuatan jahat seperti mencuri, merompak, membunuh, dan perbuatan lain yang salah di sisi undang-undang. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa jenayah ialah perbuatan yang tidak baik yang menyebabkan kesusahan kepada orang lain serta menyalahi undang-undang.

2.2 Definisi Jenayah Juvana

Terdapat pelbagai pendapat daripada para penyelidik tentang jenayah juvana antaranya menurut Junid (2022), jenayah juvana ialah perlakuan jenayah oleh remaja dalam pelbagai masalah sosial. Zulkafely (2019) pula berpendapat bahawa jenayah juvana merujuk kepada perlakuan jenayah atau anti-sosial yang dilakukan oleh remaja. Berdasarkan subseksyen 2(1) Akta Kanak-Kanak 2001, jenayah juvana ialah seseorang yang di bawah umur 18 tahun dan berhubung dengan prosiding jenayah. Namun, dalam kenyataan Rahim dan Yusof (2012), di Malaysia terdapat istilah yang berbeza dalam pengguna istilah seseorang yang berumur di bawah 18 tahun. Istilah kanak-kanak disebut dalam semua enakmen jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia kecuali di Perlis, Kedah, Kelantan dan Pahang. Namun, negeri Perlis telah membuat pindaan ke atas Enakmen Tatacara Jenayah Syariah tersebut dengan menggunakan tafsiran pesalah muda di mahkamah syariah bagi menjadikan istilah ini seragam seperti di negeri-negeri lain di Malaysia (Abdullah, Shariff & Yahya, 2017).

2.3 Jenayah Juvana Di Negeri Perlis

Berdasarkan kenyataan Yahya & Abdullah (2019), pada 20 tahun yang lalu, semasa pentadbiran Datuk Seri Shahidan Kassim, kerajaan Negeri Perlis telah mencadangkan untuk menguatkuaskan perintah berkurung yang bertujuan untuk melarang atau menyekat remaja daripada mengunjungi tempat hiburan atau tempat-tempat yang diwartakan sebagai lokasi lumba haram selepas pukul 10 malam sehingga 6 pagi keesokan harinya. Walau bagaimanapun, cadangan ini telah mendapat tentangan oleh Mah Weng Kwai (Presiden Majlis Peguam Malaysia 2003).

Keadaan semasa menunjukkan indeks jenayah di Perlis menurun pada tahun 2021 sebanyak 11.56 peratus berbanding pada tahun sebelumnya. Namun, menurut Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, Ketua Polis Johor, walaupun indeks jenayah menurun, ia masih membimbangkan dan langkah pencegahan perlu diambil agar penglibatan kanak-kanak dalam kes jenayah dapat ditangani. Hal ini kerana indeks jenayah yang melibatkan kanak-kanak adalah paling tinggi dari segi jenayah curi, mencederakan orang, pecah rumah, rogol dan samun (Harian Metro, 2023).

Noor (2021) dalam kajian faktor keterlibatan kanak-kanak bawah 18 tahun berkonflik dengan undang-undang di Negeri Perlis mendapati bahawa terdapat empat faktor yang menyebabkan kanak-kanak terlibat dengan jenayah di negeri Perlis iaitu faktor diri sendiri, faktor rakan sebaya, faktor sekolah dan faktor keluarga. Kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang ini mendapat perintah Bon Berkelaikan Baik oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak Kangar, Perlis serta menjalankan hukuman dibawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis.

2.4 Hukuman di bawah Seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Perintah Khidmat Masyarakat

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam mengendalikan kes dan menyediakan perkhidmatan pemulihan kepada kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang. Di bawah kelolaan JKM, hukuman Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) kepada kanak-kanak yang telah melakukan jenayah juvana merupakan salah satu hukuman yang dikenakan kepada kanak-kanak yang telah melakukan jenayah. PKM merupakan hukuman di bawah Seksyen 91(1)(da) Akta Kanak-kanak 2001 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2006). PKM adalah hukuman alternatif kepada hukuman penjara. Perintah ini merupakan kerja tanpa bayaran tidak boleh kurang daripada tiga puluh enam (36) jam dan tidak melebihi 120 jam agregat dan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh yang tidak melebihi enam (6) bulan pada bila-bila masa dan dimana-mana tempat sebagaimana yang dinyatakan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Tujuan hukuman PKM bagi memulihkan dan mencegah pesalah daripada mengulangi kesalahan jenayah serta mengintegrasikan mereka untuk kembali ke pangkuhan masyarakat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2023). Antara elemen yang digunakan

untuk hukuman PKM ialah melucutkan masa lapang pesalah dengan memberikan suatu tanggungjawab ke atas mereka untuk merangsang tanggungjawab sosial dan menjadikan khidmat masyarakat suatu pengalaman berfaedah kepada pesalah. Tujuan PKM ini adalah bagi menerapkan elemen penginsafan dalam diri remaja dengan mewujudkan ruang bagi pesalah membuat pemulihan akhlak dan menawarkan faedah nyata kepada masyarakat. Tambahan lagi, Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) adalah peluang kedua kepada pesalah juvana untuk memperbaiki diri dan tidak mengulangi kesilapan lalu.

Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) mempunyai lima (5) tahap pelaksanaan iaitu sebelum perlaksanaan, hukuman, pemulihan, penginsafan dan bahagian pengintegrasian dan penamatan. Ulasan tentang tahap perlaksanaan PKM adalah seperti berikut:

i. Tahap I: Sebelum Pelaksanaan (Membina Hubungan)

Pada tahap 1 ini, Pegawai PKM menerima waran perintah khidmat masyarakat dari pesalah dalam tempoh 7 hari dari tarikh perintah. Setelah menerima waran tersebut, pegawai mengadakan konfrontasi kes dengan pesalah, ibubapa/penjaga, penyelia lapangan dan kaunselor. Setelah itu, jadual pelaksanaan aktiviti PKM disediakan untuk pesalah berdasarkan elemen hukuman, pemulihan dan penginsafan.

ii. Tahap II: Hukuman

Hukuman yang dilaksanakan terhadap pesalah juvana adalah dengan menjalankan pelbagai aktiviti kerja khidmat masyarakat lebih kurang 40% daripada jumlah jam agregat dan tidak melebihi 8 jam sehari seperti pemuliharaan bangunan, pemuliharaan kawasan, penyelenggaraan lanskap dan taman permainan, penyelenggaraan padang, penyajian makanan, penyelenggaraan surau, pengurusan diri penghuni, pemberian kecil dan *housekeeping*

iii. Tahap III: Pemulihan dengan menjalankan aktiviti yang mengandungi elemen pembentukan jati diri dan pembangunan kerjaya serta kemahiran.

iv. Tahap IV: Penginsafan

Pihak JKM menyediakan pelbagai aktiviti yang mengandungi elemen kerohanian dan penglibatan ibubapa serta penjaga. Oleh itu, hubungan yang lebih baik wujud di antara pesalah dan penjaga

v. Tahap V: Bahagian Pengintegrasian & Penamatan

Pada tahap perlaksanaan yang kelima ini, pihak JKM melaksanakan pelbagai aktiviti yang mengintergrasikan pelatih dengan masyarakat dan memberi persediaan untuk kembali ke pangkuhan masyarakat. Selain itu, mewujudkan kesedaran kepada pelatih supaya tidak mengulangi kesilapan yang lalu.

Di negara luar seperti Sepanyol, kanak-kanak yang melakukan jenayah diberikan program intervensi. Dalam kajian Raul, Javier, Jose, Alfonso & Begona (2020) pembangunan program intervensi yang berkesan di pusat tahanan terhadap pesalah juvana dapat mengurangkan kadar kesalahan jenayah. Sistem keadilan remaja di Sepanyol menetapkan bahawa pesalah remaja adalah mereka yang telah melakukan kesalahan di antara umur 14 tahun dan 18 tahun. Terdapat pasukan teknikal yang dibentuk terdiri daripada pendidik, pekerja sosial, dan ahli psikologi bagi mengesyorkan tindakan yang sesuai untuk dikenakan kepada pesalah remaja (Cuervo et al., 2020). Penahanan di pusat tahanan adalah langkah yang digunakan dalam situasi berbahaya, terutamanya apabila kesalahan yang dilakukan adalah serius seperti keganasan, ugutan, atau membahayakan orang lain. Objektif pusat penahanan adalah untuk menghukum pesalah untuk

tindakan yang dilakukan dan, pada dasarnya, untuk memudahkan intervensi pendidikan yang diperlukan untuk integrasi semula sosial remaja.

3.0 **OBJEKTIF KAJIAN**

- I. Mengkaji hubungan di antara umur pesalah juvana dengan kesalahan yang dilakukan.
- II. Mengkaji hubungan di antara kesalahan pesalah juvana dengan program pemulihan.

4.0 **TEORI: TEORI TERAPI TINGKAH LAKU KOGNITIF (*COGNITIVE BEHAVIOUR THERAPY*)**

Berdasarkan kajian Liley (2020), terapi tingkah laku kognitif telah digunakan dalam merawat masalah kesihatan mental dan emosi seperti rawatan masalah tekanan perasaan, depression atau kemurungan, trauma, dan masalah mengawal tindakan. Teori terapi kognitif tingkah laku dibangunkan oleh Ellis pada tahun 1995 bagi mengubah pemikiran, perasaan dan tingkah laku yang salah kepada pemikiran, perasaan dan tingkah laku yang lebih positif dan boleh diterima supaya dapat mengurangkan masalah yang dihadapi. Berdasarkan kajian Siti et al. (2019), penggunaan terapi kognitif tingkah laku di sebuah pusat pemulihan yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Malaysia hanya memfokuskan kepada aktiviti yang berbentuk keagamaan sahaja malah tiada protokol yang digunakan sebagai penanda arah kepada aktiviti yang dijalankan. Justeru, kajian ini telah mencadangkan beberapa penambahbaikan kepada modul pemulihan sedia ada yang menggunakan terapi kognitif tingkah laku bagi menghasilkan model yang lebih berkesan terhadap pemulihan pesalah juvana.

5.0 **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah soal selidik. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan model terhadap pesalah juvana di kalangan asnaf di Perlis. Isu kesalahan juvana merupakan isu sensitif, justeru mendorong penyelidik untuk mendapatkan maklum balas daripada pesalah juvana sendiri berkenaan dengan program pemulihan yang diberikan kepada mereka. Walaubagaimanapun, populasi pesalah juvana yang dikenakan tuduhan dan menjalani program pemulihan adalah sedikit di Negeri Perlis. Oleh itu, Perlis dijadikan lokasi kajian sebagai contoh kepada negeri-negeri lain di Malaysia dalam mengurangkan pesalah juvana. Data yang diperolehi daripada JKM Negeri Perlis berkenaan jumlah pesalah juvana yang telah menjalani program pemulihan di pusat pemulihan Taman Bakti adalah seramai 7 orang. 6 orang lelaki dan seorang daripadanya adalah perempuan. Selain itu 20 orang lagi menjalani program pemulihan di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perlis

6.0 **DAPATAN KAJIAN**

6.1 **Terdapat hubungan yang signifikan diantara umur dengan kesalahan yang dilakukan.**

		Ujian Korelasi	
		Umur	Kesalahan
Umur	Pearson Correlation	1	.164
	Sig. (2-tailed)		.413
	N	27	27
Kesalahan	Pearson Correlation	.164	1
	Sig. (2-tailed)	.413	
	N	27	27

Jadual 1: Ujian Korelasi diantara Umur Pesalah Juvana dengan Kesalahan

Jadual 1 menunjukkan nilai pekali korelasi ialah +0.164. Nilai ini adalah positif yang mewakili hubungan selari antara umur pesalah juvana dengan kesalahan juvana. Semakin meningkat umur pesalah juvana semakin meningkat kesalahan yang dilakukan. Walaubagaimanapun, hubungan faktor umur dengan kesalahan adalah sangat lemah, dimana berdasarkan jadual nilai pekali dan hubungan, nilai korelasi +0.164 adalah jauh dengan nilai 1.0. hal ini menunjukkan umur pesalah juvana sangat lemah dalam mempengaruhi kesalahan yang dilakukan.

6.2 Terdapat hubungan yang signifikan diantara kesalahan pesalah juvana dengan program pemulihan.

Ujian Korelasi			
		Kesalahan	Program
Kesalahan	Pearson Correlation	1	.812**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	27	27
Program	Pearson Correlation	.812**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	27	27


**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Jadual 2: Ujian Korelasi Diantara Kesalahan dengan Program Pemulihan

Jadual 2 menunjukkan nilai pekali korelasi ialah +0.812. Ini menunjukkan hubungan selari antara kesalahan dengan program pemulihan. Simbol (**) menunjukkan signifikan pada aras keertian 0.01. daripada analisis dapatan kajian ini mendapati wujud hubungan positif yang sangat kuat ($r^2=0.81$) dan signifikan ($p = 0.00 < 0.01$) antara kesalahan dan program pemulihan. Ini bererti apabila lebih banyak kesalahan yang dilakukan maka kemungkinan responden untuk menjalani lebih banyak program pemulihan.

7.0 PEMBANGUNAN MODEL PERSONALITI UNGGUL BAGI PESALAH JUVANA

Berdasarkan dapatan kajian, sebuah Model Personaliti Unggul bagi Pesalah Juvana (MPUPJ) dibangunkan yang mengandungi elemen pendekatan perasaan, pemikiran, dan personaliti. Rajah 3 menunjukkan MPUPJ tersebut.



Rajah 3: Model Personaliti Unggul Persalah Juvana (MPUPJ)

7.1 Perasaan

Elemen utama dalam MPUPJ adalah elemen perasaan. Dalam elemen perasaan, pendekatan kasih sayang digunakan. Pendekatan kasih sayang bukan sahaja dapat dididik oleh ibu bapa malah ia juga boleh diterapkan dalam pendidikan di sekolah. Elemen pendekatan kasih sayang juga boleh digunakan sepenuhnya oleh jurulatih pusat pemulihan sebagai bahan bimbingan untuk membimbing pesalah juvana agar membuat perasaan untuk mempunyai kasih sayang kepada diri, keluarga dan masyarakat.

7.2 Pemikiran

Elemen seterusnya adalah elemen pemikiran. Elemen pemikiran menerapkan pendekatan kesedaran. Kesedaran merupakan elemen penting kepada seseorang individu untuk tidak mengulangi kesalahan lalu. Kesedaran pesalah juvana wujud melalui pengalaman dalam kehidupan dari sebelum ke pusat pemulihan dan semasa di pusat pemulihan. Pendekatan kesedaran dapat mewujudkan keyakinan diri dan diri pesalah juvana untuk berhadapan dengan masyarakat dan bersemangat untuk mengubah kehidupan. Pesalah juvana yang ditempatkan di pusat pemulihan akan melalui proses pembentukan jati diri bagi menjadikan mereka, pelajar pusat pemulihan yang boleh diterima oleh keluarga dan masyarakat. Sekiranya mereka mempunyai kesedaran, secara tidak langsung akan mengubah cara mereka berfikir sekaligus mengubah personaliti mereka.

7.3 Personaliti

Model ini juga menggunakan elemen personaliti dalam kalangan pesalah juvana. Pendekatan ketrampilan dalam elemen personaliti merupakan pembentukan psikofizikal dalam diri pesalah juvana bagi menentukan penyesuaian terhadap persekitaran. Personaliti merupakan sesuatu yang tidak tetap di mana ia mengikut perkembangan dan perubahan individu itu sendiri. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pembentukan personaliti iaitu baka, bentuk tubuh badan, kecerdasan, emosi, dan pengalaman.

8.0 KESIMPULAN

Meskipun terdapat pelbagai hukuman yang telah dijalankan kepada remaja seperti yang telah diperuntukkan secara jelas dalam undang-undang, namun kadar peningkatan masalah sosial remaja ini masih ditahap yang perlu dibimbangkan. Secara asasnya untuk membentuk personaliti unggul pesalah juvana memerlukan perancangan yang merangkumi pelbagai aktiviti termasuk aktiviti keagamaan. Memang tidak dinafikan bahawa untuk mengubah tingkah laku pesalah

juvana boleh dicapai namun masa yang diambil untuk merealisasikannya adalah memerlukan tempoh masa yang agak lama sehingga muncul pesalah-pesalah juvana yang baru (Bakar, et. al., 2020).

Fokus utama program pemulihan yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia kepada pesalah juvana ialah untuk membentuk personaliti pesalah juvana supaya menjadi lebih baik dan tidak mengulangi kesalahan yang sama berulang kali. Hal ini kerana pesalah juvana merupakan individu yang mempunyai tingkah laku negatif. Dalam konteks kajian ini pembangunan model personaliti unggul pesalah juvana (MPUPJ) merupakan elemen baru yang boleh diterapkan semasa program pemulihan dijalankan. Selain itu, model ini juga dapat digunakan oleh guru-guru di sekolah bagi menerapkan nilai-nilai personaliti unggul dalam kalangan pelajar sekolah. Secara tidak langsung model ini dapat membantu kerajaan mengurangkan masalah sosial di Malaysia.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCoEE) yang memberi ruang dan kepercayaan kepada kami untuk menghasilkan kertas kerja ini. Terima kasih juga kepada seluruh ahli keluarga kami yang banyak membantu dan memberi dorongan dalam penulisan ini. Tidak ketinggalan juga kepada rakan-rakan seperjuangan di Universiti Malaysia Perlis. Selain itu, terima kasih kepada sesiapa sahaja yang secara langsung dan tidak langsung terlibat dalam penulisan ini. Jasa baik tuan/puan dalam membantu kami dalam menyiapkan kertas kerja ini amat dihargai. Semoga Allah melimpahkan rahmat dan kurniaannya kepada kalian semua diatas sumbangan yang tidak ternilai. Semoga kertas kerja ini dapat membantu dalam membentuk model personaliti unggul bagi pesalah juvana.

RUJUKAN

- Abdullah, M. A. H., Shariff, A. A. M. & Yahya, M. A. (2017). Pesalah Muda dalam Kes Jenayah Syariah di Malaysia: Kajian ke atas Had Umur Pesalah serta Hukuman Bersifat Pemulihan dari Perspektif Prinsip Syariah. The International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society (ISLAC), Hlm. 315-326.
- Ali, L. (2019). Indikator Persepsi Jenayah 2018. *Journal of Public Security and Safety*, vol.9(1)
- Bakar, N. I. A., Dawi, A. H., Hashim, A. T. M., Wahab, N. A., Abdullah, N. & Zalli, M. M. M. (2020). Resosialisasi Juvana dan Perubahan Tingkah Laku. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences (IJMTSS)*, vol. 3(12), hlm. 35-52.
- Berita Harian Online. (2014). 5 remaja mengaku salah merusuh di asrama anak yatim di Perlis. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2014/11/16158/5-remaja-mengaku-salah-merusuh-di-asrama-anak-yatim-di-perlis>
- Bernama (2022). Kes jenayah juvana di Pulau Pinang membimbangkan. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-jenayah-juvana-di-pulau-pinang-membimbangkan-397870>
- Budin, D. (2013). Pendidikan Juvana di Penjara Malaysia: Dasar, Hala tuju, Perlaksanaan dan Cabaran. *Jurnal Hadhari* 6 (1) Hlm. 87-104. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Che Leh, F. (2016). Pelancongan Bandar dan Isu Keselamatan: Kajian Kes Pelancongan Antarabangsa Kuala Lumpur. *Malaysia Journal of Society and Space* 12 (8). 110-122.
- Harian Metro. (2023). Jenayah libat pelajar membimbangkan. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/12/648603/jenayah-libat-pelajar-membimbangkan>
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2023). Statistik Penglibatan dan Tangkapan Juvana dalam Jenayah Indeks Malaysia bagi Tahun 2016-Disember 2022. <https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/readcontent4&id=178>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (2023). <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/full&id=ekc5a1dLWWpmRWFTQW1VVmI5ZkxVQT09>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2006).

Shuhairimi Abdullah, Nur Suriaty Daud @ Fhiri, Tengku Kastriafuddin Shah Tengku Yaakob, Noor Salwani Hussin, Mohd Sofian Mohammad Rosbi, Abdul Jalil Ramli, Adi Anuar Azmin, Wan Sallha Yusoff, Jasin Abd Halim /Pembangunan Model Personaliti Unggul Pesalah Juvana (MPUPJ)

<https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Akta/Akta%20Kanak-Kanak%202001.pdf>

Jabatan Perangkaan Malaysia (2021). Statistik Jenayah, Malaysia, 2021. Jabatan Perdana Menteri.https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4_Press_Statement/2021/11%20Nov/JENAYAH%2C%20MALAYSIA%2C%202021.pdf

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). Keselamatan awam semakin baik dengan penurunan kes jenayah 21.4 peratus namun jenayah siber meningkat 99.5 peratus pada 2020 berbanding 2019 https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4_Press_Statement/2021/11%20Nov/JENAYAH%2C%20MALAYSIA%2C%202021.pdf

Junid, H. (2022). Penghargaan Kendiri Dalam Kalangan Remaja Di Pusat Pemulihan Akhlak. *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective*, vol. 1(1).

Nooraini, I., Mohammad, T., & Azman, A. (2021). Sistem Keadilan Juvana di Malaysia: Empat Prospek Penambahbaikan. *Journal of Malaysian Studies*. Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.

Rahim, A. A. & Yusof, W. (2012). Umur Pesalah Kanak-Kanak: Ketidakseragaman dalam Enakmen Jenayah Syariah dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di Malaysia. Fakulti Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia.

Raul, C., Javier, F. M., Jose, J. L. G., Alfonso, A. & Begona, H. (2020). Psychosocial and Personality Characteristics of Juvenile Offenders in a Detention Centre regarding Recidivism Risk. *The European Journal of Psychology Applied o legal Context*.

Sinar Harian. (2022). Indeks jenayah di Perlis turun lebih 11 peratus. <https://www.sinarharian.com.my/article/181992/berita/semasa/indeks-jenayah-di-perlis-turun-lebih-11-peratus>

Wahab, N. A., Salam, N. Z. M. A., & Dahalan, H. M. (2021). Kedudukan dan Peranan Penasihat Mahkamah bagi Kanak-Kanak dalam Sistem Keadilan Jenayah Kanak-Kanak di Malaysia: Isu Dan Cabaran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, vol. 6(24), Hlm. 84-103.

World Health Organisation (WHO). (2020). Coronavirus Disease (COVID-19) Outbreak situation. <http://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019>24. Diakses pada 01 September 2023.

Yahya, M. S. H. & Abdullah, R. (2019). Mampukah Perintah Berkurung Membanteras Jenayah dalam Kalangan Remaja di Malaysia? https://core.ac.uk/display/328811557?utm_source=pdf&utm_medium=banner&utm_campaign=pdf-decoration-v1

Zulkafely, Z. (2019). Definisi Jenayah Juvana.